



08 AUG, 2026

Orkim, Meraque tunjuk perkembangan berbeza

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Orkim, Meraque tunjuk perkembangan berbeza

Perjalanan Orkim Bhd dan Meraque Services Sdn Bhd menunjukkan bagaimana model 'larian berganti' yang dilaksanakan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) boleh membantu syarikat Bumiputera berkembang pada peringkat berbeza.

Kementerian Kewangan (MoF) dalam satu taklimat kepada pengarang mengenai Kad Laporan 2026 Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) di Kuala Lumpur, baru-baru ini, berkata Orkim menjadi contoh syarikat yang sudah melengkapkan keseluruhan perjalanan itu, daripada menerima modal pertumbuhan sehingga disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) pada peringkat awal membantu Orkim berkembang daripada pengendali kapal tangki berskala kecil kepada syarikat yang memiliki rangkaian 18 kapal.

Sokongan berkenaan turut memperkuh tadbir urus syarikat dan mengekalkan 456 pekerjaan dalam rantaian nilai maritim tempatan.

Apabila Orkim bersedia memasuki pasaran awam, Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengambil alih peranan sebagai pelabur utama untuk menyokong penyena-riannya pada 2025.

Tawaran awam permulaan (IPO) Orkim mengumpul hasil kasar RM828 juta, dengan RM350 juta dikembalikan kepada PNB sebagai dividen untuk manfaat pemegang unitnya.

Jika Orkim sudah sampai ke garisan penamat, Meraque pula menggambarkan syarikat yang masih melalui proses pembesaran.

Syarikat itu pada asalnya terabit dalam perkhidmatan pengurusan fasiliti bermargin rendah.

Walaupun sudah membangunkan teknologi dron untuk perlada-angan, Meraque belum mempunyai rekod pasaran yang mencukupi untuk berkembang.

Kerjasama dengan SD Guthrie Bhd pada 2021 membolehkan Meraque menguji teknologi dron dan sistem autonominya dalam operasi ladang sebenar, selain memban- gunkan perisian sendiri.

Pengesahan teknologi itu mem- bantu syarikat menarik pelanggan seperti Felcra dan Felda serta me- nembusi pasaran di Asia Tenggara, Asia Tengah dan Afrika.

Meraque mencatat pertumbu- han tahunan 58 peratus sepanjang 2021 hingga 2025 dan kini mempun- yai kehadiran di empat pasaran serantau utama.



08 AUG, 2026

Orkim, Meraque tunjuk perkembangan berbeza

Berita Harian, Malaysia

SUMMARIES

Perjalanan Orkim Bhd dan Meraque Services Sdn Bhd menunjukkan bagaimana model ‘larian berganti’ yang dilaksanakan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) boleh membantu syarikat Bumiputera berkembang pada peringkat berbeza. Kementerian Kewangan (MoF) dalam satu taklimat kepada pengarang mengenai Kad Laporan 2026 Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) di Kuala Lumpur, baru-baru ini, berkata Orkim menjadi contohsyarikat yang sudah melengkapkan keseluruhan perjalanan itu, daripada menerima modal pertumbuhan sehingga disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia.